

**No. 765.**

## AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

## PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

## STATUT PENGURNIAAN KEHORMAT 2024

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Sultan Zainal Abidin [P.U. (A) 456/2010], Canselor membuat statut yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Statut ini bolehlah dinamakan Statut Pengurniaan Kehormat 2024.
- (2) Statut ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024.

**Tafsiran**

2. Dalam Statut ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Kementerian” ertinya Kementerian Pendidikan Tinggi;  
“Lembaga” ertinya Lembaga Pengarah Universiti;  
“Menteri” ertinya Menteri Pendidikan Tinggi;  
“Pengurniaan Kehormat” ertinya anugerah ijazah kehormat dan gelaran profesor emeritus/emerita;  
“Perlembagaan” ertinya Perlembagaan Universiti Sultan Zainal Abidin;  
“Senat” ertinya badan akademik bagi Universiti; dan  
“Universiti” ertinya Universiti Sultan Zainal Abidin.

**Penganugerahan**

3. (1) Pengurniaan ijazah kehormat boleh dianugerahkan kepada—
  - (a) orang yang telah memberikan sumbangan cemerlang terhadap kemajuan masyarakat dan penyebaran ilmu pengetahuan atau yang telah membuat jasa cemerlang pada peringkat negara dan antarabangsa; dan
  - (b) Lembaga dan Senat boleh menganugerahkan ijazah kehormat seperti yang berikut:
    - (i) Doktor Bioteknologi;
    - (ii) Doktor Falsafah Kepimpinan Pendidikan;

- (iii) Doktor Hubungan Antarabangsa;
- (iv) Doktor Pembangunan Komuniti;
- (v) Doktor Pengajian Al-Quran;
- (vi) Doktor Pengurusan;
- (vii) Doktor Pengurusan dan Kepimpinan;
- (viii) Doktor Pentadbiran Perniagaan;
- (ix) Doktor Perubatan;
- (x) Doktor Sains Kesihatan;
- (xi) Doktor Undang-Undang; dan
- (xii) Ijazah kehormat lain sebagaimana yang diizinkan oleh Lembaga dan Senat dari semasa ke semasa.

(2) Gelaran profesor emeritus/emerita boleh dianugerahkan kepada seseorang mantan Profesor Universiti yang berwibawa setelah berkhidmat dengan cemerlang di Universiti, mempunyai kesarjanaan yang cemerlang dan memberikan perkhidmatan yang tidak ternilai kepada Universiti serta masih aktif dalam akademia bagi maksud mengiktiraf kecemerlangan kesarjanaan dan perkhidmatannya yang gemilang dan berterusan kepada Universiti.

### **Pencalonan**

4. (1) Pencalonan bagi penganugerahan sesuatu ijazah kehormat atau profesor emeritus/emerita hendaklah dikemukakan oleh Jawatankuasa Akademik Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut, atau oleh mana-mana ahli Senat atau oleh mana-mana ahli Lembaga kepada Jawatankuasa Pengurniaan Kehormat yang ditubuhkan oleh Senat.

(2) Cadangan daripada Jawatankuasa Pengurniaan Kehormat akan dibentangkan kepada Senat dan Lembaga bagi mendapatkan pertimbangan dan kelulusan.

(3) Pencalonan bagi penganugerahan ijazah kehormat perlu dikemukakan kepada Jabatan Pendidikan Tinggi untuk perakuan Menteri sebagaimana Tatacara Permohonan Perakuan yang ditetapkan oleh Kementerian.

### **Penubuhan dan keahlian Jawatankuasa Pengurniaan Kehormat**

5. Jawatankuasa Pengurniaan Kehormat hendaklah terdiri daripada—

- (a) Naib Canselor, yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) semua Timbalan Naib Canselor;

- (c) dua orang wakil Senat;
- (d) tidak lebih daripada lima orang ahli yang dilantik oleh Naib Canselor; dan
- (e) Pendaftar sebagai Setiausaha.

**Fungsi dan kewajipan Jawatankuasa Pengurniaan Kehormat**

6. Jawatankuasa Pengurniaan Kehormat hendaklah menimbang dan mengesyorkan kepada Senat dan Lembaga, mana-mana calon yang telah dicadangkan bagi penganugerahan Ijazah Kehormat dan gelaran profesor emeritus/emerita.

**Proklamasi**

7. Penganugerahan sesuatu ijazah kehormat dan/atau gelaran profesor emeritus/emerita kepada seseorang dan proklamasi mengenainya hendaklah dilakukan dalam majlis konvokesyen Universiti.

**Hak dan faedah penganugerahan**

8. Apa-apa faedah atau keistimewaan boleh diberi kepada penerima ijazah kehormat dan penerima gelaran profesor emeritus/emerita sebagaimana yang ditetapkan oleh Universiti.

**Pelucutan penganugerahan**

9. Universiti boleh, menurut seksyen 61 Perlembagaan, melucutkan ijazah kehormat dan/atau gelaran profesor emeritus/emerita daripada seseorang yang telah dianugerahkan gelaran tersebut.

**Kesahan perbuatan pegawai yang menjalankan tugas berkenaan sebelum kuat kuasa Statut**

10. Tiada apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh mana-mana pegawai yang menjalankan tugas yang berkenaan sebelum kuat kuasanya Statut ini boleh menjadi tidak sah atas sebab Statut ini belum berkuat kuasa.

Dibuat 4 November 2023

K.D.Y.M.M. SULTANAH NUR ZAHIRAH  
*Canselor*  
*Universiti Sultan Zainal Abidin*

## UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

## CONSTITUTION OF UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

## HONORARY CONFERMENT STATUTE 2024

In exercise of the powers conferred by subsection 35(1) of the Constitution of Universiti Sultan Zainal Abidin [P.U. (A) 456/2010], the Chancellor makes the following statute:

**Citation and commencement**

1. (1) This Statute may be cited as the Honorary Conferment Statute 2024.
- (2) This Statute is deemed to have come into operation on 1 January 2024.

**Interpretation**

2. In this Statute, unless the context otherwise requires—

“Ministry” means the Ministry of Higher Education;

“Board” means the Board of Directors of the University;

“Minister” means the Minister of Higher Education;

“Honorary Conferment” means the award of honorary degree and the emeritus/emerita professor title;

“Constitution” means the Constitution of Universiti Sultan Zainal Abidin;

“Senate” means the academic body of the University; and

“University” means Universiti Sultan Zainal Abidin.

**Award**

3. (1) The award of honorary degree may be conferred to—

- (a) persons who have rendered distinguished contribution to the advancement of the community and dissemination of knowledge or who have made distinguished services at national and international level; and
- (b) the Board and Senate may award honorary degrees as follows:
  - (i) Doctor of Biotechnology;
  - (ii) Doctor of Philosophy in Education Leadership;
  - (iii) Doctor of International Relations;

- (iv) Doctor of Community Development;
- (v) Doctor of Quranic Studies;
- (vi) Doctor of Management;
- (vii) Doctor of Management and Leadership;
- (viii) Doctor of Business Administration;
- (ix) Doctor of Medicine;
- (x) Doctor of Health Sciences; and
- (xi) other honorary degrees as may be permitted by the Board and the Senate from time to time.

(2) The emeritus/emerita professor title may be awarded to a former Professor of the University who is competent after rendering distinguished service in the University, possesses distinguished scholarship and renders invaluable service to the University and is still active in the academia for the purpose of recognising the illustrious and continuous excellence of his scholarship and service to the University.

### **Nomination**

4. (1) The nomination for the award of an Honorary Degree or the emeritus/emerita professorships shall be submitted by the Academic Council of School, Institute, Academic Centre, Research Centre and Academy or by any member of the Senate or by any member of the Board to the Honorary Conferment Committee established by the Senate.

(2) The recommendation of Honorary Conferment Committee will be presented to the Senate and the Board for consideration and approval.

(3) Nominations for the award of an honorary degree must be submitted to the Department of Higher Education for the Minister's certification as per the Procedure for Application of Certification prescribed by the Ministry.

### **Establishment and membership of Honorary Conferment Committee**

5. The Honorary Conferment Committee shall consist of—

- (a) the Vice-Chancellor, who shall be the Chairperson;
- (b) all Deputy Vice-Chancellors;
- (c) two representatives of the Senate;
- (d) not more than five members appointed by the Vice-Chancellor; and
- (e) the Registrar as Secretary.

**Functions and duties of Honorary Conferment Committee**

6. The Honorary Conferment Committee shall consider and recommend to the Senate and the Board, any candidate proposed for the award of honorary degree and emeritus/emerita professor title.

**Proclamation**

7. The award of an honorary degree and/or the emeritus/emerita professor title to a person and the proclamation thereof shall be made in the convocation ceremony of the University.

**Right and benefit of award**

8. Any benefit or privilege may be given to the recipient of honorary degree and recipient of emeritus/emerita professor title as determined by the University.

**Deprivation of award**

9. The University may, pursuant to section 61 of the Constitution, deprive the honorary degree and/or emeritus/emerita professor title from a person who has been awarded with the said title.

**Validity of acts of officers exercising the duty in question before the coming into operation of Statute**

10. No acts or omissions by any officer who exercises the duty concerned before the coming into operation of this Statute shall be invalid on the ground that this Statute has not come into operation.

Made 4 November 2023

K.D.Y.M.M. SULTANAH NUR ZAHIRAH

*Chancellor*

*Universiti Sultan Zainal Abidin*